

**Arahan :** Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

- Antara yang berikut, pilihan manakah yang **tepat** menggambarkan masalah kekurangan dalam ekonomi...
  - Puan Masitah hanya mampu membeli sepasang kasut sukan sahaja untuk anaknya setelah menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300.
  - Encik Mustafa dapat membeli semua barang yang disukainya dengan pendapatan yang tinggi hasil daripada keuntungan perniagaannya
  - Syarikat Impian Tinggi Bhd mampu mengeluarkan semua barang yang diminta pengguna kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak
  - Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan hasil kuipan cukai yang diperoleh untuk rakyat
- Pasangan manakah yang betul tentang sumber ekonomi?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Tanah	Sumber yang diperlukan dalam pengeluaran dan penawarannya terhad
B	Modal	Input tidak produktif yang digunakan dalam proses pengeluaran
C	Buruh	Individu yang menggabungkan sumber ekonomi untuk menghasilkan output
D	Usahawan	Individu yang memberi sumbangan produktif sama ada dalam bentuk fizikal dan mental


- Jadual di bawah menunjukkan dua barang yang dikeluarkan oleh sesuatu firma.

Kaedah Pengeluaran	Meja (unit)	Kerusi (unit)
M	100	35
N	70	40
P	40	60
Q	20	75

Jika pihak pengurusan firma tersebut mengambil keputusan untuk mengubah kaedah pengeluaran daripada kaedah P kepada kaedah Q, berapakah unit meja yang terpaksa dilepaskan?

- |      |      |
|------|------|
| A 45 | C 20 |
| B 30 | D 15 |

4. Rajah berikut menunjukkan KKP bagi barang A dan barang B.



Pergerakan titik dari P ke Q mewujudkan kos lepas bagi

- A barang B sebanyak  $OB_2$
- B barang A sebanyak  $B_1B_2$
- C barang B sebanyak  $OB_1$
- D barang A sebanyak  $A_2A_1$

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan kelebihan suatu sistem ekonomi

- Menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi
- Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar

Sistem ekonomi tersebut ialah...

- A sosialis
- B campuran
- C perancangan pusat
- D pasaran bebas

6. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan yang adil antara individu
- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat





Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi...

- A Campuran
- B Sosialis
- C Islam
- D Kapitalis


7. Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan ke atas suatu barang.

Kerajaan menaikkan jumlah Bantuan Prihatin Nasional kepada rakyat yang terkesan pandemik covid 19

Rajah manakah yang menunjukkan kesan kepada permintaan pada masa sekarang?




8. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi lima individu dalam pasaran.



Berapakah kuantiti permintaan pasaran pada tingkat harga RM15?


- |   |         |   |          |
|---|---------|---|----------|
| A | 70 unit | C | 79 unit  |
| B | 91 unit | D | 100 unit |

9. Antara berikut yang manakah ciri keluk penawaran pasaran?
- A Keluk penawaran mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
  - B Peningkatan harga menyebabkan penawaran menurun
  - C Hubungan antara harga dan kuantiti adalah negatif
  - D Hubungan antara harga dan kuantiti adalah positif
10. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran bagi pasaran daging lembu.



Perubahan keseimbangan dari  $E_0$  ke  $E_1$  adalah kerana

- A Peningkatan cukai pendapatan
  - B Pendapatan pengguna menurun
  - C Harga daging lembu meningkat
  - D Pemberian bantuan oleh kerajaan
11. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran sesuatu barang.



Apakah faktor penyebab keluk penawaran beralih dari  $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ?

- A Pemberian subsidi kepada pengeluar
- B Penurunan duti import kepada pengeluar
- C Harga dijangka meningkat pada masa hadapan
- D Penurunan pendapatan pengguna



15. Semua pernyataan di bawah benar berkaitan dengan kerjaya dan matlamat pendapatan peribadi **kecuali** ...
- A Individu yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah akan dibayar pendapatan yang lebih rendah.
  - B Individu yang mempunyai sifat keusahawan berupaya menjana pendapatan peribadi yang tinggi.
  - C Antara kemahiran sumber ialah pengurusan masa dan pengurusan kewangan
  - D Kerani akaun dibayar gaji lebih tinggi daripada pemandu lori kerana kemahiran komunikasi yang dimiliki oleh mereka.
16. Jadual menunjukkan jumlah pendapatan dan pembayaran bagi Encik Ismail pada satu tahun tertentu.


Butiran	Jumlah (RM)
Pendapatan	42 000
Caruman KWSP	11%
Premium insurans nyawa	1680
Cukai pendapatan	312
Zakat	480
Caruman PERKESO	525

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Ismail untuk tahun tersebut?

- A RM34 383
  - B RM36 063
  - C RM44 997
  - D RM49 617
- 17 Yang manakah **benar** tentang pelaburan peribadi?

	Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	kecairan
A	Saham syarikat	sedehana	tinggi
B	Simpanan tetap	bebas risiko	rendah
C	Urusniaga pertukaran asing (FOREX)	tinggi	tinggi
D	hartanah	rendah	tinggi

18. Gambar di bawah menunjukkan dua jenis input pengeluaran perabot.



Pilih perbezaan yang **tepat** antara input pengeluaran A dan B.

	<b>Input A</b>	<b>Input B</b>
A	Merupakan input tetap dalam pengeluaran	Merupakan input berubah dalam pengeluaran
B	Wujud dalam jangka masa pengeluaran pendek dan panjang	Hanya wujud dalam jangka masa pengeluaran pendek
C	Kuantiti penggunaannya adalah tetap apabila tingkat output berubah	Kuantiti penggunaannya berubah mengikut perubahan tingkat output
D	Wujud pada tingkat output sifar	Tidak wujud jika tingkat output adalah sifar

19. Pernyataan manakah yang betul tentang kos berubah?

- A Kos yang ditanggung pada output sifar
- B Wujud dalam jangka masa pendek sahaja
- C Pembayaran yang perlu dilakukan walaupun pengeluaran belum bermula
- D Perbelanjaan untuk mendapatkan bahan mentah dalam proses pengeluaran

20. Maklumat berikut menunjukkan jumlah input yang terlibat dalam proses pengeluaran sebuah firma.

Jumlah input berubah	: 32 unit
Jumlah keluaran	: 1000 unit
Jumlah input tetap	: 8 unit

Hitungkan keluaran purata bagi firma tersebut.

- A 25 unit
- B 31.25 unit
- C 125 unit
- D 33.33 unit





24 Pernyataan manakah yang **benar** berkaitan peranan kerajaan sebagai pengeluar?

- A Mengeluarkan barang awam dan barang sosial
- B Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat
- C Pengaliran keluar wang lebih tinggi daripada pengaliran wang masuk
- D Memastikan guna tenaga penuh dapat dicapai

25 Tindakan kerajaan mengenakan cukai boleh mengawal eksternaliti negatif dengan

- A Melindungi pengeluar
- B Mengurangkan kos pengeluar
- C Mengurangkan keuntungan
- D Mengawal harga barang dan perkhidmatan dalam pasaran

26 Inflasi tarikan permintaan berlaku apabila.....

- A kos pengeluaran meningkat
- B jumlah penawaran terhadap barang dan perkhidmatan melebihi jumlah permintaannya.
- C harga barang import dari luar negara meningkat
- D jumlah permintaan terhadap barang dan perkhidmatan melebihi jumlah penawarannya

27 Pernyataan berikut berkaitan dengan pengangguran di Malaysia

Malaysia mencatatkan kadar pengangguran tertinggi iaitu sebanyak 8.3 % pada tahun 1986 disebabkan keadaan ekonomi yang meleset

Jenis pengangguran yang terlibat ialah...

- |                         |                            |
|-------------------------|----------------------------|
| A Pengangguran kitaran  | C pengangguran geseran     |
| B Pengangguran bermusim | D pengangguran berstruktur |

28 Apakah kesan apabila berlakunya belanjawan defisit terhadap ekonomi negara?

- A Inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup masyarakat telah menurun
- B kuasa beli pengguna dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam pasaran akan menurun
- C memperlahankan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menyebabkan tingkat harga umum menurun
- D mencipta peluang pekerjaan masyarakat dan menambahkan pendapatan individu.

29. Antara yang berikut, manakah kesan tarif terhadap barang import?
- I Meningkatkan daya saing barang tempatan
  - II Meningkatkan keuntungan pengimport
  - III Meluaskan pilihan pengguna
  - IV Melindungi industri muda dan tempatan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
30. Manakah kesan positif yang diperolehi daripada blok ekonomi dan perjanjian perdagangan?
- I Peluang pekerjaan bertambah
  - II Pemindahan teknologi dan kepakaran
  - III Pasaran terhad
  - IV Pertambahan barang import di pasaran tempatan
- A I dan II  
B II dan III  
C I dan IV  
D III dan IV
31. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan eksport barang tak nampak Malaysia?
- A Andrew seorang pelancong asing menikmati juadah petang di Restoren Khadeeja di Bandar Baru Bangi
  - B Encik Kusyairi menjalani rawatan di sebuah hospital di London
  - C Azhar menggunakan perkhidmatan simpanan wang di CIMB Bank Berhad melalui akaun simpanan tetap
  - D Datuk Abdul Rahim, seorang pengusaha minyak sawit itu mengeksport minyak kelapa sawit ke Indonesia
32. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan implikasi defisit akaun semasa?
- A Pengurangan guna tenaga disebabkan pengurangan pelaburan
  - B Peningkatan dalam pendapatan negara
  - C Peningkatan taraf hidup disebabkan kenaikan kuasa beli
  - D Peningkatan dalam kadar pertukaran asing

33. Firma Gemilang Jaya dari Malaysia telah membeli sebuah jentera yang berharga US\$180 800 dari Amerika Syarikat. Kadar pertukaran asing adalah seperti berikut:

Unit	Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1	USD	4.40	4.50

Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan oleh firma tersebut?

- A RM40 178  
 B RM41 091  
 C RM795 520  
 D RM813 600
34. Apakah kesan terhadap eksport dan import sekiranya berlaku kejatuhan kadar pertukaran asing?
- I Pendapatan negara menurun  
 II Harga barang eksport murah  
 III Permintaan barang import meningkat  
 IV Permintaan barang eksport menurun
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan jawapan pilihan dalam jadual di bawah ini

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	salah

35. I Matlamat isi rumah untuk membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah kekurangan ialah memaksimumkan kepuasan.  
 II Tujuan kerajaan membuat pilihan apabila projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dijalankan ialah untuk meminimumkan kos pengeluaran.
36. I Barang yang mempunyai banyak barang pengganti akan mempunyai keanjalan harga permintaan yang lebih anjal  
 II Pengusaha akan menaikkan harga barang bagi nilai keanjalan harga yang kurang daripada satu untuk memaksimumkan jualan.

37. I Risiko pelaburan ialah kemungkinan menghadapi sesuatu yang tidak pasti pada masa akan datang.  
II Pelaburan dalam saham syarikat mempunyai risiko yang rendah maka pulungannya tinggi.
38. I Dalam fungsi pengeluaran jangka pendek , input tetap boleh ditambah apabila output bertambah  
II Dalam jangka masa panjang firma dapat mengubah tingkat output dengan menjalankan aktiviti R&D.
39. I Cukai progresif adalah cukai yang berkadar songsang dengan tingkat pendapatan.  
II Beban cukai tak langsung boleh dipindahkan sebahagian atau sepenuhnya kepada orang lain
40. I Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan ke atas eksport negara.  
II Apabila nilai eksport meningkat, nilai Ringgit Malaysia cenderung naik.

#### KERTAS SOALAN TAMAT